

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1974<sup>1</sup>

PENYELARASAN TANGGAGAJI ANGGOTA POLIS  
WANITA DAN ANGGOTA POLIS LELAKI

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan iaitu mulai 1hb Februari, 1974 tanggagaji Anggota Polis Wanita di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hendaklah diselaras-kan dengan tanggagaji Anggota Polis Lelaki yang setaraf. Oleh itu tanggagaji Anggota Polis Wanita yang berpangkat Penolong Penguasa Polis ke bawah adalah disusun semula dan diselaras dengan tanggagaji Anggota Polis Lelaki yang setaraf. Berikutan dengan itu tanggagaji Anggota Polis Wanita tersebut adalah seperti di bawah ini:

Jawatan	Tanggagaji Sekarang	Tanggagaji Baharu
Mata-mata ... ..	\$48/140×10-160/ 170×10-220	\$60/140×10-160/ 170×10-270
Kopral ... ..	\$220×15-280	\$270×15-330
Sarjan ... ..	\$280×15-325	\$330×15-375
Inspekter/Ketua Inspekter	\$350×25-400/ 425×25-650/ 700×40-900	\$400×25-450/ 475×25-800/ 840×40-1,120
Penolong Penguasa Polis	\$600×50-700/ 750×50-1,100	\$700×50-800/ 850×50-1,300

**Pemindahan Gaji**

2. Sifir pemindahan gaji adalah seperti Kembaran 1, 2, 3, 4 dan 5 yang dilampirkan bersama dengan Pekeliling ini.

**Tarikh Kenaikan Gaji**

3. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam kes di mana dua atau lebih mata gaji atas tanggagaji sekarang berpindah ke satu mata gaji atas tanggagaji baru. Dalam kes yang demikian tarikh kenaikan gaji adalah diubah menurut rumusan seperti di Lampiran A dan B. Walaubagaimanapun bagi mereka

yang telah berada di mata gaji paling tinggi atas tanggagaji sekarang selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1hb Februari, 1974, maka tarikh kenaikan gaji mereka hendaklah diubah kepada 1hb Mac.

**Sekatan Peperiksaan**

4. Syarat-syarat untuk melangkahi sekatan peperiksaan seperti yang dibekalkan dalam sekim perkhidmatan hendaklah dipatuhi sebelum seseorang pekerja itu layak melangkah sekatan demikian.

DATO' ABDULLAH BIN AYUB,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
BANGUNAN U.M.B.C.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR.

*20hb Februari, 1974.*

---

CATATAN:

<sup>1</sup> Dibatalkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 278 mulai 31hb Mac, 1978